

11/09/2002

Sistem pendidikan diubah suai

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Sistem pendidikan negara akan diubah suai bagi menerap dan meningkatkan pemahaman serta kesedaran rakyat, terutama generasi muda, mengenai hak asasi manusia.

Menerusi perubahan itu, aspek hak asasi manusia, termasuk hak kanak-kanak dan pelajar, akan diberi penekanan dalam kurikulum dan kegiatan kokurikulum di peringkat sekolah.

Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam), Tan Sri Abu Talib Othman, berkata berdasarkan perbincangan Suhakam dengan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, kementerian itu pada dasarnya bersetuju untuk melaksanakan perubahan itu.

Beliau berkata, langkah itu penting bagi melahirkan generasi pelajar yang tahu hak masing-masing serta menghormati hak orang lain, sekali gus menjadikan mereka rakyat bertanggungjawab.

Bagaimanapun, katanya, bagaimana ia akan dilaksanakan bergantung sepenuhnya kepada Kementerian Pendidikan.

"Suhakam berharap dapat bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi menjayakan usaha ini. Sebagai permulaan, pengetua, guru besar dan setiap guru perlu memastikan mereka menghormati hak asasi setiap pelajar, termasuk pelajar yang nakal dan bermasalah.

"Pengurusan sekolah perlu memberi ruang kepada pelajar yang melakukan kesalahan untuk menjelaskan punca mereka berkelakuan sedemikian dan bukan sewenang-wenangnya memberi hukuman," katanya sambil menambah pengurusan sekolah hari ini tidak menghormati pelajar sewajarnya.

Beliau berkata demikian selepas menutup Seminar Hak Asasi Manusia Malaysia 2002, di sini hari ini. Seminar dua hari anjuran Suhakam itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abu Talib berkata, pihaknya tidak menyokong salah laku di kalangan pelajar tetapi pada masa yang sama, mahu pengurusan sekolah memberi peluang untuk pelajar memahami hak mereka sendiri dan menghormati hak orang lain.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, Suhakam berpendapat sekolah adalah tempat utama memupuk pengetahuan dan memperkasakan generasi muda untuk menghormati hak asasi manusia sekali gus memupuk budaya itu di negara ini.

Katanya, hanya dengan pemahaman rakyat, termasuk generasi muda itu, usaha kerajaan menggubal undang-undang dan menyediakan kemudahan sewajarnya untuk membangunkan rakyat dan negara akan dimanfaatkan sepenuhnya.

"Hakikatnya, rakyat negara ini mempunyai pengetahuan mengenai hubungan kebersihan alam sekitar dengan penjagaan kesihatan. Malangnya, amalan seperti membuang sampah merata-rata tempat atau di sungai, bertentangan dengan pemahaman mereka.

"Ini semua dapat ditangani jika setiap individu faham akan hak mereka dan menghormati hak orang lain," katanya.